

# Penduduk transit **jangan degil**

Waris Residensi Kerinchi perlu serah unit jika permohonan PPR gagal

HIDAYAH HAIROM

**KUALALUMPUR** - Keluarga penghuni unit transit projek perumahan rakyat (PPR) perlu membuat permohonan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk kekal menyewa namun bergantung kepada kelayakan yang ditetapkan.

Ia berikutan permohonan penangguhan pengosongan unit PPR oleh sebahagian keluarga transit Residensi Kerinchi.

Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Wan Mohammad Ghazali Nor,



**ABDUL HADI**

berkata, kesemua penduduk transit sepatutnya telah mengosongkan unit sejak Mac lalu membolehkan pemaju menyerahkan kembali unit-unit berkenaan kepada DBKL.



**WAN MOHAMMAD GHAZALI**

Namun menurutnya, keengganan sebahagian penghuni berbuat demikian meskipun Residensi Kerinchi telah siap dibina menimbulkan masalah bagi proses penyerahan.

“Penangguhan telah diberikan beberapa kali namun masih ada yang tidak mahu berpindah dari PPR. Kebanyakannya melibatkan waris pemilik Residensi Kerinchi.

“Perkara ini tidak boleh berterusan kerana status mereka hanyalah transit dan sewa dibiayai oleh pemaju. Mereka perlu melalui permohonan penyewaan awam dan sekiranya layak berdasarkan syarat dan merit ditetapkan barulah DBKL akan tawarkan untuk mereka menyewa.

“Jika permohonan mereka tidak lulus, mereka perlu akur untuk keluar. Malah jika lulus sekalipun, tidak se-

mestinya mereka boleh kekal di unit sekarang,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan terdapat lebih 100 keluarga transit Residensi Kerinchi yang mendapat notis pengosongan unit oleh pemaju, mahu tindakan ditangguhkan sehingga hujung tahun ini.

Wan Mohammad Ghazali, berkata, permohonan hanya melibatkan ahli keluarga pemilik, dan bagi pemilik yang telah mendapat unit Residensi Kerinchi perlu ikut perjanjian dengan pemaju untuk serahkan unit PPR.

“Proses tapisan akan dibuat oleh jawatankuasa pe-

milihan ini dan bagi kes ini, maklum balas akan diberikan dalam tempoh sehingga hujung tahun ini,” katanya.

Sementara itu, pemaju, Pengarah Suezcap, Abdul Hadi Ahmad, berkata, dengan proses permohonan yang diberikan DBKL, secara tidak langsung memberi penambahan tempoh penangguhan kepada penghuni terlibat.

“Kami harap tiada lagi penangguhan yang diminta selepas ini kerana sudah banyak peluang diberikan dan diharapkan mereka yang terlibat melalui proses permohonan yang disarankan DBKL bagi melancarkan segala urusan,” katanya.